

## **CABARAN MOUNTAIN BIKE ANTARABANGSA LANGKAWI 2010**

By Dr. Mahathir Mohamad on August 2, 2010 9:22 AM

1. Langkawi sekali lagi akan menjadi tuan rumah kepada satu pertandingan bertaraf antarabangsa dari 6 hingga 8 Ogos. Ia bukanlah pertandingan Le Tour de Langkawi. Kali ini, acaranya ialah Cabaran Mountain Bike Antarabangsa Langkawi 2010, yang akan diadakan sepenuhnya di Langkawi.
2. Peserta-peserta yang bertanding datang dari 16 negara, termasuk peserta Malaysia. Yang lainnya datang dari negara jiran Asia, Eropah termasuk juga dari Afrika Selatan. Acara ini menjanjikan satu pertandingan yang amat menarik dan akan mendapat liputan menyeluruh dari pihak media.
3. Saya berharap rakyat Malaysia tidak akan melepaskan peluang untuk menyaksikan acara sukan ini disamping menikmati keindahan Langkawi serta membeli-belah di kedai bebas cukai.
4. Jangan lepaskan peluang ini!

3 Comments

By AzMaAuthor Profile Page on August 2, 2010 6:44 PM

Assalamualaikum Tun,

- 1.Langkawi sentiasa dekat di hati Tun.
- 2.Harap anak jati Langkawi tidak melepaskan setiap peluang yang ada untuk sama-sama mengambil bahagian dalam industri pelancongan serta perniagaan.
- 3.Sedih melihat Langkawi semakin hari semakin di monopoli oleh pendatang asing.Anak Melayu hanya menjadi penonton.
- 4.Harap pihak LADA mempergiatkan latihan kepada anak-anak muda Langkawi untuk melibatkan diri secara langsung dalam bidang ini.
- 5.Cuba kekalkan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang sesuai dengan Islam, tak perlu Langkawi menjadi seperti Bali.
- 6.Teruja dengan keindahan Langkawi, anugerah Allah yang tiada ternilai harganya.
- 7.Doa agar Langkawi akan lebih maju dan makmur.

By HOT ZOOMAuthor Profile Page on August 2, 2010 3:17 PM

sama2 kita jayakan acara sukan antarabangsa ini

<http://bloginfo4uall.blogspot.com/2010/08/cabaran-mountain-bike-antarabangsa.html>

By Rimba EmasAuthor Profile Page on August 2, 2010 12:39 PM

SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T

- 1) SATU LAGI USAHA DIBUAT UNTUK MEMPERKENALKAN LANGKAWI PADA KACA MATA DUNIA. ITULAH SELALUNYA YANG AKAN DIKATAKAN OLEH PEGAWAI PERHUBUNGAN PEMASARAN SESUATU BADAN KORPORAT KERAJAAN ATAU SWASTA.
- 2) SAMA JUGA SEPERTI LIMA AKHIRNYA HASIL DARI PENGANJURAN ITU YANG AKAN MEMBERI KESAN KEPADA YANG MERENCANAKANNYA ,PIHAK PELABOR, KERAJAAN TEMPATAN DAN RAKYAT MALAYSIA.
- 3) BEGINILAH CARANYA USAHA BADAN SESUATU PERSATUAN DAPAT MENCARI PUNCA WANG

UNTUK KANCING POKET PERSATUAN ATAU KADANG-KADANG TERDENGAR CERITA BERLAKU PENYELEWENGAN ADA YANG TERTIPU OLEH KERUGIAN WANG PELABORAN.

4) BAGAIMANA MEREKA DAPAT MEMPEROLEHI PENAJA TERUTAMA PIHAK TELEKOM MALAYSIA DAN APA YANG PIHAK PENAJA AKAN DAPAT BALIK HASILNYA TENTULAH NAMA KEPADA DUNIA ANTARABANGSA.PIHAK BADAN KERAJAAN PULA MUNGKIN DI KATAKAN BAHAWA INILAH PELUANG DALAM INDUSTRI PELANCONGAN JUGA PENIAGA-PENIAGA MEMPEROLEHI HASIL JUALAN.

5) KALAU ADA BANTAHAN FAKTOR MASA HANYA TIGA HARI DIKATAKAN HASILNYA BOLEH MANARIK PELANCONG DATANG KEMBALI. SEMUANYA MENGHARAPKAN KEPADA PEMBELI TERMASUKLAH KEPADA RAKYAT MALAYSIA YANG BERKORBAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN TALIKOM.

6) YANG KITA DAPAT LIHAT TALIKOM LABOR JUTAAN RINGGIT BAGI RAKYAT YANG MUNGKIN SEBAHAGIAN SAHAJA ATAU YANG LEBIH TEPAT LAGI YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI BASIKAL MOUNTAIN BIKE DAN PESERTA YANG BERTANDING.

7) DEWASA INI FORMULA INI DAPAT DILIHAT JUGA PADA BIDANG HIBURAN DENGAN HABUAN KEPADA ARTIS TERKENAL PULUHAN RIBU RINGGIT SERTA HABUAN KEPADA SEORANG RAKYAT YANG MEMENANGI PERADUAN DENGAN MERUGIKAN RAKYAT YANG LAIN YANG TERPAKSA MEMBELANJAKAN WANG MIRIP JUDI PERTARUHAN.

8) RUPANYA FORMULA KEUNTUNGAN BEGINI KERAP DIGUNAKAN UNTUK MENDAPAT UNTUNG BERLIPAT GANDA. ADAKAH BEGINI SATU PUNCA HALAL ? ALLAH S.W.T LAH YANG AKAN MENILAINYA NANTI.

9) SEPATUTNYA TIADA DISKRIMINASI KEPADA PEMBELI TALIAN MALAH TIDAK DAPAT MENOLONG PEMBELI MALAH TERBEBAN KEWANGAN PULA. PATUTKAH KEPADA PIHAK LAIN SECARA INDIVIDU DIBERI SEDANGKAN RAKYAT BERAMAI YANG SENTIASA DIGUNA UNTUK MENDAPAT KEUNTUNGAN.

10) CONTOHNYA BILA BERLAKU KERUGIAN SELALUNYA FAKTOR HARGA YANG DIKENAKAN AKAN DINAIKKAN DAN ALASAN KENAIKAN HARGA BAHAN-BAHAN MENTAH AKAN DIGUNAKAN MENDAPATKAN KEBENARAN KERAJAAN MELULUSKAN ATAU MENGUBAH KONTRAK HARGA ASAL.

11) JUAL BELI SECARA HALAL DENGAN MEMBANTU PEMBELI AKAN WANG YANG DIKELUARKAN DAN MENOLONG PEMBELI YANG TIDAK BERWANG AKAN DAPAT MENGEKALKAN PELANGGAN. SEBALIKNYA PENGELUARAN WANG KEPADA INDIVIDU YANG TIDAK BERSANGKUTAN DENGAN PENGGUNAAN TALIAN ADALAH MELANGGARI HUKUM DAN PERJANJIAN.

12) KITA TIDAK SEDARI AKIBAT MEMBERI PELUANG KEPADA ORANG TENGAH MEMECAH GARIS LURUS ANTARA PENJUAL DAN PEMBELI MENYEBABKAN PELANGARAN HUKUM-HUKUM ASAL DARI ALLAH S.W.T DAN AKAN TERPESONG DARI JALAN LURUS.

13) SEMUA INI TELAH HILANG DI DADA MANUSIA IAITU SATU SIFAT-SIFAT YANG ADA PADA RASULLULLAH S.A.W DI DALAM AL-QURAN.

WALLAHU'ALAM

Leave a comment

Sign in to comment on this entry.